

**Permaisuri Agong Rasmikan Festival Kasut Antarabangsa 1Malaysia  
Bernama  
29 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 29 Mac (Bernama) -- Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah Khamis berkenan merasmikan Festival Kasut Antarabangsa 1Malaysia (1MISF) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Majlis itu turut dihadiri Menteri Pelancongan Datuk Seri Dr Ng Yen Yen, Duta Pelancongan, yang juga pereka kasut terkenal dunia Prof Datuk Dr Jimmy Choo dan presiden Persatuan Pengilang Kasut Malaysia (MFMA) Tony Ting.

Dalam ucapan alu-aluannya, Dr Ng berkata kementerian berkenaan ingin menjadikan Malaysia 'Ibu Kota Kasut Asia', di samping menjadikannya platform untuk peserta industri memperkenalkan jenama keluaran mereka ke seluruh dunia.

"Tidak ramai yang faham tentang pentingnya industri kasut kepada sektor pelancongan negara walaupun kini terdapat hampir 1,000 syarikat yang terlibat dalam mereka bentuk dan mengeluarkan kasut di Malaysia.

"Kami ingin jadikan Malaysia Ibu Kota Kasut Asia dan kami sedang mencari idea untuk menjadikan kasut sebagai antara produk "yang mesti dibeli" oleh pelancong," katanya.

Dr Ng berkata 1MISF, yang diadakan sejak dua tahun lepas, kini dimasukkan ke dalam Kalendar Pelancongan Malaysia untuk menjadikan acara ini bertaraf dunia.

1MSF menyasarkan 60,000 pelancong tempatan dan asing mengunjungi festival anjuran Kementerian Pelancongan dan MFMA itu yang berlangsung dari 29 Mac hingga 1 April.

Kasut yang mempunyai reka bentuk kreatif dan unik juga dipamerkan pada majlis perasmian itu, termasuk yang lazimnya dipakai pasangan pengantin Melayu, Cina, India dan Baba Nyonya.

Pada majlis itu, Raja Permaisuri Agong dipersembahkan sepasang kasut istimewa yang dihasilkan Jimmy Choo sebagai cenderahati.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=655685>